

TEKS UCAPAN
YAB MENTERI BESAR PERAK DARUL RIDZUAN
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN MESYUARAT AGONG KOPERASI PEKEBUN
KECIL LENGGONG BERHAD
22 DISEMBER 2021

ASSALAMU'ALAIKUM WARAHMATULLAHI
WABARAKAATUH DAN SALAM SEJAHTERA

Bismillahirrohmanirrohim,

[SALUTASI]

1. Alhamdulillah, sama-samalah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT, kerana atas sifat Rahman dan Rahim-Nya jua, kita dikurniakan nikmat kesihatan dan kesempatan waktu untuk sama-sama hadir majlis perasmian Mesyuarat Agong Koperasi Pekebun Kecil Lenggong Berhad pada hari ini.

2. Terlebih dahulu, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Koperasi Pekebun Kecil Lenggong Berhad kerana sudi menjemput saya menyampaikan ucapan seterusnya merasmikan mesyuarat agong tahunan koperasi ini yang kini sudah menginjak tahun ke-37. Tahniah saya ucapkan.

3. Sebelum meneruskan ucapan, saya mengajak kita semua untuk mengenang jasa dan pengorbanan Dato Hj Umar bin Hj Ismail selaku pengerusi koperasi yang telah kembali ke rahmatullah pada 31 Ogos lalu. Atas titik peluh dan kerja keras Allahyarham telah membolehkan koperasi ini berkembang pesat sehingga hari ini. Sayugialah kita sedekahkan Ummul Kitab, Al-Fatihah.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,

4. Seperti yang kita sedia maklum, gerakan koperasi merupakan satu wadah pembangunan masyarakat melalui penggemblengan tenaga, modal dan kemahiran pengurusan bagi meningkatkan penglibatan dan penyertaan masyarakat dalam aktiviti komersil. Sehingga kini, terdapat 64 buah koperasi di peringkat nasional, negeri dan daerah telah ditubuhkan dan beroperasi di seluruh Semenanjung Malaysia.
5. Selaras dengan matlamat penubuhan koperasi oleh RISDA, Koperasi Pekebun Kecil Lenggong Berhad menyambut baik hasrat tersebut dengan memfokuskan kepentingan ekonomi anggota-anggota serta meningkatkan pendapatan pekebun kecil yang kebanyakannya bergantung kepada hasil getah dan kelapa

sawit. Melalui koperasi ini, pengurusan ladang dan pembekalan peralatan kepada pengusaha kebun juga dapat dilaksanakan secara sistematik.

6. Di bawah pucuk pimpinan yang sentiasa memandang ke hadapan serta keyakinan yang diberikan oleh Ahli-ahli Koperasi Pekebun Kecil, Koperasi Pekebun Kecil Lenggong Berhad telah berjaya mengumpul lebih 1,000 orang ahli yang membolehkan anggota-anggotanya berganding bahu serta bersatu hati menjana minda dan menggembeleng tenaga bagi mengumpulkan modal untuk menjayakan kegiatan ekonomi.
7. Alhamdulillah, walaupun dunia dilanda pandemik COVID-19 yang mengubah landskap sosioekonomi dunia, saya dimaklumkan Koperasi Pekebun Kecil dilihat masih mampu berdiri sendiri dengan bantuan dua lot kebun getah tua dan bangunan di pekan Lenggong serta rumah dua tingkat di Kuala Kangsar yang telah disewakan. Penyewaan aset koperasi ini sedikit sebanyak dapat membantu koperasi untuk kekal berdiri mendepani saat genting.

8. Melalui koperasi ini, saya lihat penjanaaan idea untuk pembangunan ekonomi pekebun kecil akan dapat terus digarap dan digilap. Maka, manfaatkanlah platform ini sebaiknya untuk menyuarakan segala kerisauan yang menghantui benak fikiran para pekebun. Kemukakanlah cadangan yang dilihat bersesuaian bagi menyelesaikan segala permasalahan yang menjadi kerisauan para pekebun.

9. Sesungguhnya tidak ada masalah yang tidak boleh diselesaikan, tidak ada penyakit yang tidak boleh disembuhkan, tidak ada kepayahan yang tidak ada pengakhiran, sebagaimana firman Allah SWT dalam **Surah Al-Insyirah ayat 5 dan 6** yang bermaksud:

*“Maka Sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kesenangannya.
Sesungguhnya bersama kesusahan itu ada kesenangannya.”*

10. Buat pihak RISDA yang diberikan mandat untuk menguruskan pertubuhan koperasi, suka saya mengingatkan agar pihak RISDA terus menumpukan perhatian sepenuhnya kepada sebarang isu atau permasalahan yang dihadapi oleh pekebun-pekebun kecil sekali gus mencari jalan untuk memperbaiki kedudukan mereka.

Bantulah dengan projek-projek yang boleh mendatangkan keuntungan kepada ahli-ahli koperasi.

11. Koperasi tidak boleh lari dari melaksanakan fungsi utamanya iaitu memberi perkhidmatan dan membantu ahli-ahlinya dalam pembangunan ekonomi. Perubahan perlu dilakukan ke atas landskap gerakan koperasi di luar bandar yang selama ini dianggap sebagai satu institusi yang kecil dan hanya tertumpu kepada perniagaan tertentu sahaja, menjual produk yang kurang berkualiti serta tidak mampu menarik pelanggan yang lebih besar.
12. Apa yang penting, kita mesti punya keyakinan, bukan sahaja untuk maju ke hadapan, tetapi juga maju dengan langkah yang lebih luas melalui penglibatan dalam perniagaan yang berdaya maju dan berdaya tahan, lebih-lebih lagi keadaan suasana ekonomi dunia dan negara yang semakin mencabar.
13. Ini hanya dapat dilakukan sekiranya kita mempunyai perancangan yang rapi dan pelaksanaan yang jitu. Gunalah apa juga kapasiti yang ada untuk mengembangkan lagi perniagaan masing-masing sama ada dalam aktiviti perniagaan yang sedia ada atau meneroka aktiviti perniagaan yang baru.

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,

14. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada pimpinan dan seluruh ahli Koperasi Pekebun Kecil Lenggong Berhad kerana dapat menunaikan amanah dan tanggungjawab mengadakan mesyuarat agung.
15. Saya mendoakan mudah-mudahan apa jua perancangan koperasi dalam membangunkan perniagaan dan membela kebajikan ahli-ahli akan sentiasa dipermudahkan oleh Allah SWT.
16. Dengan doa dan harapan itu, saya dengan lafaz Bismillahirrohmanirrohim, sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agong-Koperasi Pekebun Kecil Lenggong Berhad K-37.

**SEKIAN, WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH, ASSALAMUALAIKUM
WAROHMATULLAHI TAALA WABAROKATUH.**